

Ruj. kami : KEMAS 100-1/5/ (16)
Tarikh : 21 Oktober 2025
30 Rabiulakhir 1447H

SENARAI SEPERTI DI EDARAN

YBhg. Datin/ YBr. Dr./ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN PERINGATAN INTEGRITI BILANGAN 2 TAHUN 2025:

KAWALAN DALAMAN KE ATAS PEGAWAI YANG MEMPUNYAI SURAT TUNJUK SEBAB DAN SURAT PERINGATAN BERULANG

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datin/ YBr. Dr./ tuan/ puan, **Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) KEMAS Bilangan 3 Tahun 2025** bertarikh **22 September 2025** telah bersetuju dengan tindakan kawalan dalaman ke atas pegawai yang mempunyai **Surat Tunjuk Sebab (STS)** dan **Surat Peringatan berulang**. Keputusan ini adalah selaras dengan usaha memperkukuhkan disiplin, meningkatkan kebertanggungjawaban serta mengelakkan pengulangan salah laku dalam kalangan pegawai di Jabatan ini.

3. Arahan Pentadbiran ini dikeluarkan dengan merujuk **Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]** dan **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.1: Kewajipan Mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam** berhubung penekanan terhadap tanggungjawab penyelia atau Ketua Jabatan dalam menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya.

4. Bagi maksud Arahan Pentadbiran ini sebagaimana diperuntukkan **Peraturan 3c, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]**, tiap-tiap pegawai adalah bertanggungjawab menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera. Kegagalan menjalankan tanggungjawab ini hendaklah disifatkan sebagai cuai dalam melaksanakan tugas serta tidak bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Ruj. Kami: KEMAS 100-1/5/1(16)

5. Mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya semua Pengarah Bahagian dan Pengarah KEMAS Negeri **melaksanakan tindakan** terhadap pegawai yang menerima bilangan **Surat Tunjuk Sebab (STS)** dan **Surat Peringatan Berulang dua (2) hingga tiga (3) kali** seperti ketetapan berikut:

- 5.1 Pegawai hendaklah dipantau secara rapi dan berterusan selama satu (1) tahun oleh Ketua Jabatan bagi menilai tahap kepatuhan, disiplin serta prestasi kerja;
- 5.2 Pegawai tidak layak dipertimbangkan untuk menerima Anugerah Pekerja Cemerlang (APC) pada tahun semasa tanpa sebarang pengecualian; dan
- 5.3 Pegawai dikenakan potongan sebanyak 10% markah prestasi tahunan, selaras dengan Sistem Penilaian Demerit (DEEP) berdasarkan jumlah kesalahan yang direkodkan.

6. Sekiranya pegawai yang telah dikenakan tindakan diatas masih mengulangi kesalahan tersebut atau gagal menunjukkan perubahan positif sehingga menerima bilangan **Surat Peringatan Berulang tiga (3) kali** ke atas, maka semua Pengarah Bahagian dan Pengarah KEMAS Negeri perlulah mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.1 Pegawai boleh dipertimbangkan untuk ditukarkan tempat bertugas sebagai langkah memperbetulkan disiplin serta memberi peluang meningkatkan prestasi dalam suasana kerja yang berbeza;
- 6.2 Pegawai berstatus lantikan tetap dicadangkan untuk dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan perkhidmatan awam yang sedang berkuat kuasa; dan
- 6.3 Pegawai berstatus kontrak (*Contract od Service*) yang gagal berubah atau mengulangi kesalahan walaupun telah diberi peluang pemulihan, cadangan penamatan perkhidmatan akan dibuat selaras dengan peraturan-peraturan perkhidmatan awam.

Ruj. Kami: KEMAS 100-1/5/1(16)

7. Pelaksanaan tindakan ini bertujuan memberi pengajaran kepada pegawai yang terlibat dengan salah laku berulang, di samping berfungsi sebagai mekanisme kawalan dalaman bagi membentuk budaya kerja yang berdisiplin, bertanggungjawab serta menepati piawaian profesional perkhidmatan awam. Selain itu, pelaksanaan ini juga berperanan sebagai panduan dalam pemberian markah Sasaran Kerja Utama (SKU) atau Laporan Nilai Prestasi (LNP) pegawai. Arahan ini merupakan punca kuasa rasmi bagi memastikan proses penilaian dilaksanakan secara telus dan berasaskan prestasi sebenar pegawai.

8. Arahan Pentadbiran ini adalah tertakluk kepada pindaan pekeliling dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan.


9. Arahan Pentadbiran ini **berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan**.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ tuan/ puan adalah amat penting dalam memastikan arahan ini dilaksanakan secara konsisten di semua peringkat negeri demi memastikan kecemerlangan perkhidmatan awam terus terpelihara.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MOHD HANAFIAH BIN MAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah

s.k.: i. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Pembangunan)
ii. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
iii. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN KEMAS IBU PEJABAT

1. Pengarah
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
2. Pengarah
Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran
3. Pengarah
Bahagian Kewangan dan Perolehan
4. Pengarah
Bahagian Pembangunan
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak
6. Pengarah
Bahagian Pembangunan Komuniti
7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Kemahiran
8. Pengarah
Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional
9. Ketua Unit Komunikasi Korporat
10. Ketua Unit Teknologi Maklumat
11. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN PEJABAT KEMAS NEGERI

1. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Perlis
Tingkat Bawah, Bangunan Persekutuan Lama,
0100 Kangar
PERLIS
2. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Kedah
Tingkat 6, Wisma Persekutuan,
Jalan Kampung Baru
05000 Alor Setar
KEDAH
3. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Pulau Pinang
Aras 2, Anjung A
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara,
Jalan Bertam
13200 Kepala Batas
PULAU PINANG
4. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Blok C, Tingkat 2-3,
Bangunan Persekutuan Gunasama
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh
PERAK
5. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Selangor
Lot 03-04, Tingkat 3,Kompleks PKNS
Persiaran Tasik
40505 Shah Alam
SELANGOR
6. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Wilayah Persekutuan
Lot 48565, Jalan 2/12 Kampung Sri Batu Muda,
51100 Kuala Lumpur
KUALA LUMPUR

7. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Sembilan
Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban
NEGERI SEMBILAN
8. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Melaka
Tingkat 2, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh,
MELAKA
9. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Johor
Tingkat 6, Blok A, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek,
80100 Johor Bharu
JOHOR
10. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Pahang
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut
25000 Kuantan
PAHANG
11. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Terengganu
Tingkat 10, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
TERENGGANU
12. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Kelantan
Tingkat 9, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15510 Kota Bahru
KELANTAN

13. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Sabah
Aras 5, Blok A, Jalan UMS
Kompleks Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah
Peti Surat No. 23
88800 Kota Kinabalu
SABAH
14. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Sarawak
Tingkat 6 & 7, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93300 Kuching
SARAWAK